

**PERUTUSAN PENGARAH  
SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU TAHUN 2019**

**TEMA : GURU, OBOR HEMAH MENYINARI PERTIWI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita, para pendidik Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, dan sekolah-sekolah merayakan hari guru tahun 2019.

Tanggal 16 Mei setiap tahun merupakan tarikh keramat dan telah menjadi rutin kepada para pendidik di seluruh negara meraikan sambutan hari guru. Hari ini merupakan hari yang sangat bermakna kepada insan yang bergelar guru.

Sambutan yang diadakan pada setiap tahun ini adalah untuk memberikan penghargaan dan penghormatan kepada warga pendidik yang telah banyak mengorbankan tenaga dan menaburkan jasa demi melahirkan generasi yang terbilang untuk membangunkan negara yang tercinta ini.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua pendidik di negeri Terengganu. Tema hari guru pada tahun ini ialah “ Guru, Obor Hemah Menyinari Pertiwi ”. Pemilihan tema ini amat bertepatan dengan tanggungjawab seorang guru yang memerlukan mereka menghayati dan menjiwai peranan serta mempunyai nilai dan pekerti yang mulia demi membangunkan anak bangsa dan mengangkat martabat negara. Guru diibaratkan sebagai obor yang akan menjadi penyuluh dan penunjuk jalan kepada murid-muridnya . Oleh sebab itu, roh guru perlu ada di dalam diri setiap guru demi melahirkan murid yang berkualiti merangkumi semua aspek seperti intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial . Untuk melihat kemenjadian murid betul-betul berlaku maka tugas sebenar guru perlu direalisasikan dengan jayanya. Guru perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan untuk membangunkan modal insan yang akan menjadi tonggak negara pada masa hadapan.

Guru merupakan ‘ gedung ilmu ‘ yang akan menjadi sumber rujukan kepada anggota masyarakat. Oleh yang demikian, pengetahuan guru perlu dipertingkatkan supaya guru-guru dapat memainkan peranan yang benar-benar berkesan sebagai pembentuk bangsa. Sebagai pengamal ilmu, seseorang guru mempunyai peranan dan tugas yang amat berat, rumit, dan mencabar. Pembangunan insan dan negara terletak di atas bahu kaum guru. Guru-guru perlu dan harus senantiasa mengemaskinikan dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan masing-masing melalui amalan membaca. Budaya membaca perlu diterapkan di dalam diri demi meningkatkan karisma masing-masing kerana melalui pengetahuan dan keilmuan yang berkembang akan dapat mengangkat para guru sebagai golongan intelek yang diiktiraf oleh masyarakat. Di

samping itu, guru-guru juga perlu menyemarakkan minat membaca dalam kalangan murid sejak awal persekolahan demi memenuhi hasrat menjadikan negara berbudaya membaca.

Dalam usaha mendidik anak murid, guru sebagai ibu dan bapa mestilah memikirkan perkara yang terbaik untuk mereka. Guru-guru bukan sahaja berperanan untuk memastikan murid-murid menguasai pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman tetapi guru-guru juga perlu membentuk akhlak serta menerapkan nilai-nilai murni dalam diri setiap murid demi memanusiaikan mereka.

Jiwa sebagai pendidik ini penting dan perlu disebatikan dalam diri guru-guru kerana pada bahu gurulah terpikulnya amanah dan tanggungjawab untuk melahirkan murid-murid yang hebat dan berjaya. Didikan yang sempurna amat penting untuk membangunkan potensi murid-murid ke arah mencapai kesejahteraan diri dan seterusnya dapat memberikan sumbangan kepada bangsa, agama, dan negara. Murid-murid merupakan pemegang amanah untuk membangunkan negara pada masa hadapan. Didikan yang betul mengikut landasannya perlu dilakukan oleh semua guru.

Sentuhan kasih sayang daripada guru dan menjadi suri teladan yang terbaik kepada murid-muridnya akan menarik minat mereka untuk belajar dan akan menjadikan murid-murid lebih bermotivasi, mententeramkan jiwa, dan meningkatkan inspirasi mereka. Guru-guru yang berketerampilan, penyabar, dan mempunyai nilai-nilai murni serta berperibadian yang tinggi akan menjadi ikutan murid-murid. Budi pekerti yang mulia menjadi tonggak kehalusan nilai perlu disemai dalam jiwa para guru.

Guru-guru yang mempunyai jiwa sebagai pendidik akan sentiasa menggunakan kemahiran dan pengetahuan pedagogi yang bersifat kreatif dan inovatif serta menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Hal ini penting untuk mewujudkan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan seterusnya akan mendorong semangat belajar yang tinggi dalam kalangan murid. Di samping itu, potensi diri murid juga dapat dikembangkan dengan bimbingan dan sokongan daripada guru-guru yang dedikasi. Oleh hal yang demikian, tanggungjawab dan amanah mendidik ini bergantung kepada guru kerana guru merupakan orang yang penting untuk menjelmakan kemenjadian murid ke arah melahirkan cendekiawan demi memajukan peradaban dan tamadun manusia.

Di samping itu, murid-murid juga perlu memainkan peranan dengan sebaik-baiknya. Murid-murid perlu memberikan tumpuan kepada pelajaran dengan belajar bersungguh-sungguh dan juga perlu bergerak aktif dalam kegiatan kokurikulum serta mengelakkan diri daripada terlibat dengan unsur-unsur negatif. Hal ini penting untuk melahirkan murid-murid negeri Terengganu yang unggul bukan sahaja dalam bidang kurikulum tetapi juga kokurikulum. Bagi mencapai kegemilangan ini, murid-murid perlu meneroka ilmu dengan apa-apa cara sekalipun. Ingatlah, tanpa ilmu kita akan terus ketinggalan dalam dunia global tanpa sempadan ini kerana dunia pendidikan sekarang bergerak begitu pantas selari dengan perkembangan digital. Oleh sebab itu, ilmu perlu dicari kerana ilmu tidak datang secara sendiri. Hal ini sangat bertepatan dengan peribahasa Melayu “ Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. “ Oleh hal yang demikian, murid-murid perlu berusaha untuk menambahkan ilmu dan pengetahuan demi kelangsungan hidup.

Akhir kata, pada kesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua guru atas komitmen yang tinggi untuk menjayakan wawasan dan hasrat jabatan pendidikan yang ingin terus meletakkan pendidikan di negeri Terengganu berada di mercu.

Rasa kelat bukannya tebu  
Hendak ditelan terlekat-lekat  
Kekal terpahat panggilan guru  
Menjadi kenangan ke akhir hayat

Selamat Hari Guru

Terima Kasih Cikgu

Guru, Obor Hemah Menyinari Pertiwi

**HAJI SHAFRUDDIN BIN HAJI ALI HUSSIN, P.J.C, P.J.K**  
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu.

